

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID  
Tajuk : UPACARA PENUTUPAN HARI SASTERA `93  
Lokasi :  
Tarikh : 07-06-1993

Terlebih dahulu, saya suka mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak penganjur, iaitu Kerajaan Negeri Selangor, dan GAPENA yang telah sudi mengundang saya untuk menyempurnakan penutupan Hari Sastera `93 ini. Setinggi-tinggi tahniah ditujukan kepada Y.Bhg. Professor Dato' Ismail Hussein, guru saya semasa menuntut di Universiti Malaya, di atas penganugerahan darjah Panglima Setia Mahkota yang membawa gelaran Tan Sri sempena Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini.

Kesusasteraan, kesenian dan kebudayaan sesungguhnya menjadi unsur yang sangat penting dalam mencorak dan mempertingkatkan tamadun dan martabat sesuatu bangsa. Kita sedia maklum bahawa pemikiran masyarakat adalah dipengaruhi oleh bahan-bahan bacaan dan penulisan samada dalam bentuk nasihat, sistem nilai, dorongan, wawasan dan seumpamanya.

Masyarakat Melayu amat terkenal dengan nilai-nilai kesopanan dan kesusilaan, berbudi bahasa, suka berkhayal, kesetiaan, beradab dan berpantang larang. Barangkali fenomena seperti ini wujud oleh kerana masyarakat Melayu dari zaman ke zaman telah membaca hasil-hasil karya yang menekankan sistem nilai, adat, alam fantasi dan cerita- cerita dongeng.

Sebagai contohnya, kita tentu masih ingat bagaimana "Nakhoda Tenggang" iaitu cerita lisan orang-orang Melayu memberikan kesan pengajaran moral yang menyebabkan anak-anak takut menderhaka kepada ibu- bapa. Semangat kepahlawanan dan kesetiaan yang dipancarkan di dalam beberapa hikayat lama telah menanamkan sistem nilai itu kepada bangsa Melayu.

Pada masa ini, keseluruhan usaha sedang digembelngkan untuk membantu hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara maju dalam semua bidang menjelang tahun 2020. Apabila Malaysia melangkah maju kepada sebuah negara perindustrian, pada ketika yang sama, langkah-langkah perlu diambil untuk menerapkan nilai- nilai baru. Di tempat kerja, rakyat Malaysia seharusnya mengamalkan disiplin yang tinggi, berusaha untuk mencapai kecemerlangan, dan mengamalkan sifat-sifat positif seperti kejujuran, ketekunan, semangat bekerjasama serta berdaya kreatif. Kedudukan orang-orang Melayu telah bertambah baik dari setahun ke setahun.

Peratusan mereka di dalam bidang professional telah mencapai tahap 29.4% pada tahun 1991, iaitu professional berdaftar seperti doktor, jurutera, akitek, dan akauntan. Ramai juga orang-orang Melayu yang telah berjaya di dalam perdagangan dan perindustrian. Dalam pada itu, ada pula yang telah mengalami kegagalan hasil daripada amalan-amalan negatif seperti rasuah, penyelewengan dan sebagainya. Biarpun demikian, pepatah Melayu memberi ingatan kepada kita supaya "melihat tuah pada yang menang, melihat contoh pada yang sudah".

Dari segi pengaruh sosiobudaya pula, Malaysia dicurahkan dengan pelbagai corak budaya. Oleh kerana negara kita mempunyai bilangan penduduk remaja yang ramai, maka pasaran bagi peralatan hiburan dan apa saja dalam segi itu amat laris dan berpengaruh. Media asing yang canggih juga boleh mempengaruhi kehidupan remaja kita. Mereka kini juga terdedah kepada gejala-gejala dan penyakit moden seperti penagihan dadah dan jangkitan AIDS. Kita juga menghadapi generasi baru yang kian hari bersifat materialistik, dan kegemaran yang berlebihan kepada hiburan dan keseronokan, kemerosotan akhlak dan pencemaran budaya.

Tamadun Melayu menjelang abad ke-21 hendaklah berteraskan kepada budaya membaca, ilmu sains dan teknologi.

Satu daripada ciri masyarakat maju yang perlu dicontohi ialah kecekapan dalam menimba ilmu pengetahuan, khususnya ilmu sains dan teknologi yang direka dengan ilmu pengetahuan yang terkumpul. Dalam hubungan ini, soalan-soalan yang boleh ditanya ialah : sudahkah budaya suka

membaca itu menerap di seluruh anggota masyarakat kita? Apakah tahap pencapaian ilmu pengetahuan orang-orang Melayu telah mencukupi bagi membolehkan mereka mencipta lebih banyak lagi teknologi baru? Seorang yang suka membaca adalah bakal merubah dunia. Takkah pepatah Melayu juga yang menyatakan : "Kalau kail panjang sejengkal, jangan lautan hendak diduga"? Satu lagi faktor yang penting bagi mengasaskan kecemerlangan tamaddun Melayu di abad ke-21 ialah perlunya diwujudkan insan Melayu yang amanah, bertanggungjawab dan berani kerana benar. Salah satu nilai yang perlu ditanamkan ialah semangat saling bantu-membantu di antara usahawan-usahawan Melayu yang telah berjaya, untuk memupuk semangat "persyarikatan orang-orang Melayu".

Salah satu alat yang boleh digunakan bagi menggerakkan usaha ke arah penerapan nilai-nilai yang berkenaan itu ke atas orang-orang Melayu khususnya adalah menerusi penulisan. Saudara-saudari yang menguasai alat ini perlulah menggunakan daya penulisan dan daya kreatif bagi menggerakkan pemikiran orang-orang Melayu samada dari segi penulisan sejarah, puisi, novel, cerpen, penyelidikan dan lain-lain. Golongan penulis telah dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wataala dengan ketajaman pemikiran. Mata pena saudara-saudari adalah lebih tajam dari sebilah pedang.

Para penulis boleh membuatkan pembaca menangis, sedih dan gembira, gelisah, takut, khayal, berani dan pelbagai perasaan lagi. Sesungguhnya saudara-saudari sekalian adalah penggubal pemikiran dan pengungkap citarasa bangsa Malaysia, pendidik akal dan nubari umat, pemupuk nilai-nilai murni ke dalam jiwa bangsa, penyubur budaya ilmu, dan pemantap daya juang umat Melayu. Apa yang paling ditakuti ialah ketajaman pena yang boleh mencemarkan maruah bangsa. William Alfred, seorang Professor of Humanities daripada Harvard University pernah berkata: "Believe that you are a writer. One of the most difficult things to do in a commercial society is to think yourself as somebody whose main business is to tell the truth with anger or love". Saya penuh yakin bahawa sasterawan murahan, budayawan picisan yang boleh dibeli dan diupah untuk menyebarkan budaya erotik, budaya picisan dan budaya fitnah tidak ada di kalangan kita pada petang ini.

Perkhidmatan awam adalah merupakan satu institusi yang penting di dalam masyarakat Malaysia. Anggota-anggota perkhidmatan awam adalah diberi dua belas tonggak yang boleh mewujudkan sebuah perkhidmatan awam yang berkualiti, produktif dan bertatertib, iaitu menghargai masa, ketekunan membawa kejayaan, keseronokan bekerja, kemuliaan kesederhanaan, ketinggian peribadi, kekuatan sifat baik hati, pengaruh teladan, kewajipan menjalankan tugas, kebijaksanaan berhemat, keutamaan kesabaran, peningkatan bakat dan nikmat mencipta. Kita dikenali daripada apa yang kita lakukan berulang kali. Kebaikan bukan sekadar perbuatan, tetapi satu tabiat. Tabiat yang baik kekal sepanjang hayat. Pada fikiran saya, intipati daripada masalah nilai dan etika di dalam perkhidmatan awam ialah bagaimana penjawat awam menanam tabiat dan amalan yang baik di dalam semua aspek kehidupannya. Para sasterawan dan budayawan boleh memberi sumbangan kepada Perkhidmatan awam menerusi daya penulisan ataupun pementasan mengenai nilai dan etika seperti yang telah dinyatakan sebentar tadi atau pun mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan perkhidmatan awam. Justeru itu, saya suka mencadangkan supaya GAPENA dan Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (MAMPU) di Jabatan Perdana Menteri memulakan perbincangan mengenai anugerah yang sesuai bagi penulisan yang terbaik samada novel, puisi, karangan ataupun penyelidikan yang boleh menjadi daya pemupuk dan penggerak kepada anggota-anggota perkhidmatan awam. Karya-karya yang terbaik itu akan memperkaya khazanah bahan-bahan bacaan kepada perkhidmatan awam. Untuk menerap nilai-nilai itu dan untuk menyampaikan mesejnya dengan secara lebih berkesan, perkhidmatan awam boleh mengadakan acara-acara diklamasi sajak, ataupun mengadakan pertunjukan pementasan (theatrical play) bagi novel atau cerpen yang terpilih sebagai salah satu daripada acara menyambut Hari Kualiti Perkhidmatan Awam yang diadakan pada 31 Oktober tiap-tiap tahun.

Dengan ini, saya adalah dengan amat sukacita menutup dengan rasminya "Hari Sastera '93" ini.